

22/05/2003

Peniaga kecil mahu syarat permohonan pinjaman dipermudah

KUALA LUMPUR: Peniaga kecil berpendapat peruntukan RM1 bilion kepada sektor perbankan bagi membantu mereka mendapatkan pinjaman kewangan tidak

akan berjaya jika sistem permohonan yang digunakan menyukarkan.

Mereka juga berpendapat peruntukan dalam Pakej Strategi Baru bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam sukar berjaya jika kadar faedahnya tinggi.

Peniaga pakaian, Shafiah Maariff, 34, berkata sejak berniaga selama 12 tahun, beliau tidak pernah mendapat pinjaman daripada bank kerana prosedur yang merumitkan.

"Peruntukan yang diberikan kerajaan itu bagus tetapi jika peniaga Bumiputera sukar mendapatkan pinjaman bank dan memakan masa yang lama ia adalah merugikan.

"Itu yang menyebabkan ramai peniaga mendapatkan pinjaman daripada ceti haram atau along kerana caranya lebih mudah dan cepat terutamanya bagi mereka yang terdesak," katanya.

Rajuli Mat Saat, 54 dari Wangsa Maju pula berkata, beliau lebih cenderung mendapatkan pinjaman kewangan daripada rakan dan ahli keluarga.

"Saya sudah cuba beberapa kali mendapatkan pinjaman bank ketika memulakan perniagaan 12 tahun lalu. Bagaimanapun permohonan sering ditolak dengan alasan kurang berdaya maju," katanya.

Seorang peniaga kelengkapan telekomunikasi, Micheal Cheng, 41, berkata faedah yang dikenakan pihak bank ada kalanya terlalu tinggi, sekali gus menyebabkan peniaga terpaksa menanggung kerugian dan menyebabkan perniagaan kurang berjaya.

"Faedah yang dikenakan bank kepada peniaga sepatutnya hanya dua peratus berbanding enam hingga tujuh peratus. Langkah ini dapat membantu peniaga di samping menggalakkan kemunculan ramai peniaga," katanya.